

ALIRAN AL-QADARIYYAH: PERKEMBANGAN, PENGARUH DAN KESANNYA DI ALAM MELAYU DAN KHUSUSNYA DI MALAYSIA

Oleh:

Prof. Madya Dr. Wan Zailan Kamaruddin bin Wan Ali

Abstract

Al-Qadariyyah is considered one of the earliest sects in the history of Islamic Thought. In the Umayyad period, they emerged but then harshly condemned and cursed by the muslims and slowly disappeared. This article as the title shown is an attempt to explain the emergence and developments of al-Qadarites and also to analyse the influences and impacts of their thoughts in the muslim world in general and Malaysia in particular.

1. Introduksi:

Al-Qadariyyah merupakan salah sebuah aliran pemikiran yang terawal dalam sejarah perkembangan pemikiran Islam. Aliran al-Qadariyyah atau juga dikenali sebagai madhhab *al-Ikhtiyariyyah*¹ yang dipelopori oleh Ma'bad al-Juhani dan Ghaylan al-Dimasyqi dikatakan menjadi lawan kepada aliran al-Jabariyyah atau al-Mujbirah yang dipelopori oleh Jahm bin Safwan. Al-Qadariyyah juga merupakan aliran falsafah dalam Islam yang pertama dan ia menjadi *laqab* kepada aliran yang kemudiannya dikenali sebagai al-Mu'tazilah.² Dikatakan aliran ini pada asalnya daripada aliran al-Murji'ah khususnya yang mengatakan *al-irja'* dalam *al-iman* dan *al-ikhtiyar* dalam *al-a'mal*. Mereka dikatakan mengasingkan diri daripada *al-Murji'ah al-Khalisah* kerana mereka tidak mengakui pendapat golongan tersebut dalam bidang politik (*al-siyasah*) semata-mata.³

Walaupun aliran ini telah lama pupus ditelan masa, namun pengaruh dan kesan pemikirannya masih kelihatan wujud dalam pemikiran minoriti umat Islam masa kini di dunia Islam mahupun di Alam Melayu. Kebanyakan pengkaji bersependapat bahawa kedua-dua aliran, al-Qadariyyah dan al-Jabariyyah yang saling bersaing ini muncul pada akhir zaman Bani Umaiyyah. Bagaimanapun, menurut 'Abd al-Hamid al-Hifni, al-Qadariyyah telah muncul dalam Islam semenjak zaman Nabi (s.'a.w) lagi.⁴ Syam dikatakan salah satu pusat gerakan aliran al-Qadariyyah pada zaman Bani Umaiyyah.⁵ Ia berpunca daripada perselisihan mereka mengenai persoalan agama yang berhubungkait dengan pemikiran politik Islam iaitu isu kepimpinan (*Imamah* atau *khilafah*).

¹ Al-Ghurabi, *Tarikh al-Firqah al-Islamiyyah wa Nasy'ah 'Ilm al-Kalam 'Ind al-Muslimin*, Misr, t.t, h.32.

² Ibn al-Murtada, *al-Munyah wa al-Amal*, h.149; Zuhdi Hasan Jar Allah, *al-Mu'tazilah*, al-Qahirah, 1366/1947, h.6.

³ Husayn 'Utwan, *al-Firqah al-Islamiyyah*, Dar al-Jayl, 1986, h.26.

⁴ 'Abd al-Hamid al-Hifni, *Mawsu'ah*, h.315.

⁵ Husayn 'Utwan, *op.cit*, h.27.

2. Nama al-Qadariyyah:

Nama al-Qadariyyah berasal daripada perkataan *al-Qadr*. Perkataan ini merujuk kepada pengertian kuasa, kebebasan kehendak. Justeru itu, nama al-Qadariyyah diambil daripada perkataan tersebut, disebabkan pendirian dan pegangan mereka tentang persoalan sama ada manusia berkuasa atau tidak membuat pilihan iaitu untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan. Allah (s.w.t) tidak berkuasa ke atas perbuatan manusia.⁶

Sumber pendapat tentang *al-Qadr* tidak dapat dipastikan. Namun begitu, pendapat-pendapat mengenai persoalan *al-Qadr* pada umumnya bolehlah dibahagikan kepada beberapa pendapat:

Pertama: Tokoh pertama membincangkan persoalan *al-Qadr* ialah Ma'bad al-Juhani.⁷
Kedua: Tokoh pertama membicarakan persoalan *al-Qadr* ialah Ghaylan al-Dimasyqi.⁸
Ketiga: Persoalan *Al-Qadr* diambil daripada al-Hasan bin Muhammad al-Hanafiyyah.⁹
Keempat: Tokoh yang pertama berbicara mengenai *al-Qadr* adalah seorang lelaki daripada Ahl al-'Iraq beragama Nasrani yang memeluk Islam kemudian kembali kepada agama asalnya semula, dikenali Abu Yunus Sansawayh @ al-Aswari dari al-Asawirah.¹⁰ Abu Yunus Sansawayh disebutkan menjadi sumber dan punca pendapat itu diambil oleh Ma'bad, dan pendapat itu bukanlah berasal daripada Ghaylan. Ghaylan merupakan tokoh yang berdebat dan mempertahankan pendapat itu dan kemudian menyebarkannya di kalangan kaum muslimin dan beliau dikatakan mati kerana persoalan tersebut.¹¹

Di kalangan orientalis seperti Morris S. Seale, C. Brockelmann, O'Leary, Phillip Hitti dan Asad Rustam, berpendapat persoalan *al-Qadr* bersumber daripada pemikiran Nasrani dan falsafah Yunani. Mereka mengatakan *al-Qadariyyah* mengambil pendapat dan pemikiran tersebut daripada kitab-kitab Yuhanna al-Dimasyqi @ John of Damascus dalam persoalan ketuhanan (*al-Lahutiyyah*), falsafah dan daripada kitabnya yang termasyhur iaitu *Yanbu' al-Hikmah*.¹²

Yuhanna al-Dimasyqi merupakan cucu Sergius al-Rumi dikenali di kalangan sejarawan Arab sebagai Sarjun bin Mansur al-Rumi, yang juga merupakan salah seorang *mawla* Mu'awiyah bin Abi Sufyan, menguruskan *Diwan al-Kharaj* untuk Mu'awiyah, Yazid dan Mu'awiyah bin Yazid II juga. Marwan bin al-Hakam dan 'Abd al-Malik. Pada zaman 'Abd al-Malik, dia meninggal dunia. Salah seorang anak Sergius telah memperolehi anak bernama Yuhanna, yang menjadi murid kepada seorang hamba, dikenali Cosmos. Yuhanna seterusnya popular sebagai Yuhanna al-Dimasyqi (m.743M), bekerja sebagai penasihat Hisyam bin 'Abd al-Malik selama 2 tahun.

⁶ Al-Jurjani, *Kitab al-Ta'rifat*, h.174. Lihat juga: 'Abd al-Mun'im al-Hifni, *Mawsu'ah*, al-Qahirah, 1413/1993, h.315-318. (Menurut Dr. Hasan Mahmud al-Syafi'i, aliran ini dinamakan *al-Qadariyyah @ al-Qadariyyah al-Awa'il*. Lihat: *al-Madkhal ila Dirasat 'Ilm al-Kalam*, h.64.)

⁷ Al-Maqrizi, *Khitat @ al-Mawa'iz wa al-I'tibar*, II, h.329; Zuhdi Hasan Jar Allah, *al-Mu'tazilah*, h.26.

⁸ Ibn Qutaybah, *al-Ma'arif*, h.166; 'Irfan, *Dirasat*, h.129.

⁹ Ibn al-Murtada, *al-Munyah wa al-Amal*, h.24. (Al-Hasan bin Muhammad al-Hanafiyyah merupakan saudara kepada Abu Hasyim 'Abdullah bin Muhammad, dan pernah menjadi guru kepada Ghaylan (*ustadh*) dan bertendensi ke arah doktrin *al-irja'*. Ibn al-Murtada menggolongkannya dalam golongan al-Mu'tazilah Peringkat ke-III (*al-Tabaqah al-Thalithah*))

¹⁰ Al-Maqrizi, *Khitat*, II, h.329

¹¹ Al-Ghurabi, *Tarikh*, h.36.

¹² Husayn 'Utwan, *al-Firaq al-Islamiyyah*, h.27.

Kitab-kitab Yuhanna al-Dimasyqi ajaran Nasrani, menurut Morris S. Seale merupakan sumber kepada pemikiran Ghaylan al-Dimasyqi tentang konsep fitrah, penafian sifat, *khalq al-Qur'an*, kebebasan kehendak manusia manakala O'Leary pula mengatakan ia bersumberkan daripada Yunani.

Ahmad Amin¹³ lebih bersetuju dengan kenyataan bahawa pendapat al-Qadariyyah mengenai kebebasan manusia (*hurriyyah al-iradah al-insaniyyah*) daripada buah fikiran dalam kehidupan beragama dan politik Islam khususnya al-Qur'an dan al-Hadith itu sendiri dan ia bermula sebelum penaklukan Syam dan 'Iraq. Fikrah *al-Qada'* dan *al-Qadr* lebih awal wujud di kalangan umat muslim dan ia berlaku dalam setiap agama sama ada Yahudi, Nasrani dan Majusi. Begitu juga, Zuhdi Hasan Jar Allah turut mengkritik pendapat yang mengatakan al-Qadariyyah mengikuti pemikiran golongan Nasrani (*al-Masihyyin*) kerana ia dilakukan oleh musuh-musuhnya bertujuan untuk mendorong umat Islam menentang golongan tersebut.

4. Perkataan *al-Qadariyyah* dari perspektif Islam:

Perkataan *al-Qadariyyah* tidak ditemui dalam al-Qur'an, sebaliknya yang ada hanyalah perkataan *al-Qadr* sahaja. Bagaimanapun ia berbeza sama sekali dengan al-hadith kerana perkataan tersebut dapat dilihat menerusi hadith-hadith yang agak banyak dan dikatakan pula bersumber daripada Nabi (s. 'a.w). Di antaranya:

Pertama: “ Al-Qadariyyah terdiri daripada golongan yang mengatakan bahawa baik dan buruk di tangan kita, tiada bahagian bagi mereka dalam syafaatku, aku bukanlah daripada mereka dan mereka pula bukanlah daripadaku.”¹⁴

Kedua: “ Al-Qadariyyah merupakan kaum Majusi umat ini (*majus hadhi-hi ummah*).”¹⁵

Ketiga: “ Al-Qadariyyah dicela dan sesungguhnya mereka kaum Majusi umat ini.”¹⁶

Keempat: “ Dicela al-Murji'ah bersama-sama al-Qadariyyah.”¹⁷

Kelima: “ Al-Qadariyyah dilaknat di atas lidah 70 orang nabi.”

Keenam: “ Jangan kamu duduk bersama-sama *Ahl al-Qadr* dan jangan berbicara dengan mereka.”

Ketujuh: “ Dua kelompok daripada umatku, tiadalah bahagian bagi mereka daripada Islam, iaitu al-Murji'ah dan al-Qadariyyah.”¹⁸

¹³ Ahmad Amin, *Duha al-Islam*, I, h.345; Husayn, *ibid*, h.29.

¹⁴ Al-Muhammadi, *Mizan al-Hikmah*,

¹⁵ Al-Maturidi, *Kitab al-Tawhid*, h.89, 244. (Hadith ini tidak diterima oleh Ahl al-Hadith, bahkan Ibn al-Jawzi sendiri menghukumkan hadith ini sebagai palsu. Bagaimanapun, kebanyakan ulama kalam dan lain-lain, biasa menyebutkan hadith ini dalam tulisan dan karya mereka. Hadith ini boleh dianggapkan sebagai hadith popular untuk menentang al-Qadariyyah.)

¹⁶ Al-Baghdadi, *al-Farq bain al-Firaq*, Mu'assasah al-Halabi, al-Qahirah, t.t, h.11.

¹⁷ Al-Baghdadi, *al-Farq*, h.11; al-Maturidi, *op.cit*, h.229.

¹⁸ Al-Maturidi, *Kitab al-Tawhid*, h.318; al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, V, h.7.

Kelapan:“ Dua kelompok daripada umatku yang tiada mempunyai bahagian dalam Islam: al-Murji’ah dan al-Qadariyyah....ditanya siapakah al-Qadariyyah: Rasulullah (s.‘a.w) menjelaskan bahawa mereka terdiri daripada orang-orang yang mengatakan keburukan itu tidak ditaqdirkan (*lam yuqaddir al-syarr*).”

Kebanyakan sumber hadith yang menyebutkan atau membicarakan persoalan al-Qadariyyah kelihatan lebih banyak mencela al-Qadariyyah.¹⁹ Kenyataan ini mungkin menyebabkan nama al-Qadariyyah tidak begitu digemari dan akhirnya menjadi penyebab kepupusan mereka kemudiannya.

Aliran al-Mu‘tazilah yang seringkali dikaitkan dengan nama al-Qadariyyah sendiri tidak menggemarinya dan mereka pada umumnya beranggapan bahawa ia lebih baik dirujuk kepada orang-orang yang mempertahankan *qadr* Allah ke atas semua perkara, baik dan buruk, berbanding dengan orang-orang yang berpendapat manusia mempunyai kuasa tertentu (*qudrah*) ke atas perbuatannya. Menurut pandangan golongan ortodoks, ia disebabkan keinginan mereka untuk melepaskan diri daripada kata-kata atau hadith Rasulullah (s.‘a.w) tersebut.²⁰

5. Pembahagian al-Qadariyyah:

Kebanyakan pengkaji dan pemikir Islam yang melakukan kajian mengenai aliran al-Qadariyyah berpendapat bahawa ia boleh dibahagikan kepada dua kumpulan:

Pertama: *Al-Qadariyyah al-Khalisah* merujuk kepada kumpulan yang diketuai Ma‘bad bin Khalid al-Juhani al-Basri (m.80H) dan Ghaylan bin Marwan al-Dimasyqi (m.105H).²¹

Kedua: *Al-Qadariyyah al-Mutawassitah*²² merujuk kepada al-Hasan al-Basri,²³ Qatadah bin Di‘amah dan kumpulannya yang terdiri daripada para *zuhhad* dan *qussas*.

6. Tokoh-tokoh al-Qadariyyah:

Berikut adalah senarai tokoh-tokoh yang dikatakan beraliran al-Qadariyyah, dan nama-nama mereka boleh didapati dalam kebanyakan tulisan oleh para pemikir Islam, di antara mereka ialah:

1. Al-Hasan al-Basri, al-Hasan bin Abi al-Hasan (m.87H)
2. Ma‘bad bin Khalid al-Juhani al-Basri (m.80H)
3. Ghaylan bin Marwan al-Dimasyqi (m.105H).
4. Yunus al-Aswari.
5. Ja‘d bin Dirham.
6. Mu‘awiyah (II) bin Yazid bin Abi Sufyan.²⁴
7. Abu Yasar ‘Abdullah bin Abu Najih al-Thaqafi (m.131/748) [Makkah].

19 Al-Karajaki, *Kanz al-Karajaki*, I, h.118, 140; al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, V, h.6 (bab 1); Lihat: al-Syarif al-Radi, *Nahj al-Balaghah*, Hikam no.78.

20 Macdonald, D.B, “ Qadariyyah ” dlm. *EI* (1), Leiden, 1927, II, h.606.

²¹ ‘Irfan ‘Abd al-Hamid, Dr., *Dirasat fi al-Firaq wa al-‘Aqa’id al-Islamiyyah*, h.87.

²² Al-Syahrastani, *al-Milal wa al-Nihal*, I, h.147.

²³ Ibn al-Murtada, *al-Munyah wa al-Amal*, h.26.)

²⁴ Husayn ‘Utwan, *al-Firaq al-Islamiyyah*, h.41; al-Waqidi, *al-Bad’ wa al-Tarikh*, VI, h.17.

8. Wahb bin al-Munabbih (34/655 - 114/732) [Yaman].
9. Makhul bin Abu Muslim (m. sekitar 113/731) [Damsyiq].
10. 'Ata' bin Yasar al-Hilali (m.103/722 atau 104/723) [Basrah].

Selain daripada nama-nama di atas, berdasarkan catatan oleh Dr. Husayn 'Utwan, para ketua al-Qadariyyah dari kalangan qabilah (seperti al-Raba'iyah dan al-Yamaniyyah) yang kelihatan kuat menentang Bani Umaiyah, terdiri daripada nama-nama berikut:

1. Khalid bin Ma'dan Abi Kurayb al-Kala'i.
2. Bilal bin Sa'd al-Sukuni al-Dimasyqi.
3. 'Umair bin Hani' al-'Anasiyy al-Dimasyqi.
4. 'Amru bin Syarahbil al-'Anasi al-Dimasyqi.
5. Al-Nu'man bin Mundhir al-Ghassani al-Dimasyqi.
6. 'Uthman bin Dawud al-Khulani al-Dimasyqi.
7. 'Ubaydullah bin 'Ubayd al-Kala'i al-Dimasyqi.
8. Yazid bin Yazid bin Jabir al-Azdi al-Dimasyqi.
9. Thawr bin Yazid al-Kala'i al-Himsi.
10. Hisyam bin al-Ghaz al-Jursyi.²⁵
11. Asbat bin Wasil al-Syaibani.
12. 'Isa bin Sinan al-Hanafi al-Filastini.
13. 'Abd al-'Ala' bin Zabr al-Raba'i al-Dimasyqi.²⁶

7. Pemikiran Aliran al-Qadariyyah:

Di sini dikemukakan secara ringkas beberapa pemikiran aliran al-Qadariyyah:

1. Ketuhanan (*al-Tawhid*): Dalam persoalan *dhat* Allah, mereka berpendapat Allah adalah sesuatu tetapi bukanlah seperti setiap sesuatu. Mereka berpegang kepada pendapat yang mengatakan *dhat* dan sifat Allah adalah satu dan sama. Perbezaannya adalah kerana mereka menafikan sifat Allah yang dilakukan bertujuan untuk menunjukkan Allah tidak mempunyai *dhat* dan sifat yang berbeza dan berlainan seperti yang lazim difahami oleh kaum muslimin yang beraliran konservatif, terutama aliran al-Asya'irah.

Dalam persoalan *sifat* Allah pula, mereka secara jelas menafikan sifat positif (*al-thubutiyyah*) seperti *al-'ilm*, *al-qudrah* dan *al-iradah* kepada Allah (s.w.t). Sifat-sifat itu menurut mereka adalah *dhat* itu sendiri (*'ayn al-dhat*) dan bukan selainnya. Allah tidak mempunyai *'ilm*, *qudrat*, *hayat*, *sama'*, *basar* dan tidak mempunyai sifat yang azali. Mereka juga menetapkan sifat Allah tanpa berjisim (*ghayr tajsim*) dan tanpa penyerupaan (*tasybih*) dengan sifat hamba (*al-'ibad*).²⁷ Ini kerana mereka berpendapat dengan beranggapan demikian akan menyebabkan wujudnya berbilang *dhat* Allah, dan ia suatu kenyataan yang mustahil diterima sama sekali. Justeru kerana itulah, mereka dianggap oleh al-Asy'ari dan aliran al-Asya'irah secara khusus dan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah secara umumnya sebagai *al-Mu'attilah* (golongan yang menafikan sifat Allah).²⁸

²⁵ Husayn 'Utwan, *ibid*, h.44-45.

²⁶ 'Abd al-Jabbar, *Fadl al-I'tizal*, h.103.

²⁷ Husayn 'Utwan, *al-Firaq al-Islamiyyah*, h.49.

²⁸ Al-Ghurabi, *Tarikh*, h.34. Lihat sama: Al-Bazdawi, *Usul al-Din*, h.250.

Dalam persoalan al-Qur'an sebagai *Kalam Allah*, mereka berpendapat *Kalam Allah* adalah baru. Pendapat mereka dikatakan sama dengan pendapat Jahm bin Safwan (daripada aliran *al-Jabariyyah al-Khalisah*)²⁹ yang mengatakan al-Qur'an *makhlūq* dan bukan *qadim*.³⁰

Dalam persoalan melihat Allah, mereka menafikan Allah dapat dilihat dengan mata di kedua-dua tempat, dunia dan akhirat.³¹

Dr.Husayn 'Utwan mengatakan pendapat al-Qadariyyah dalam persoalan janji dan ancaman yang berkaitan keadilan Allah (*al-'Adl al-Ilahi*), adalah selari (*muwafaqah*) dengan pendapat Ahl al-Sunnah kerana mereka mengatakan ancaman (*al-wa'id*) dan janji (*al-wa'd*) boleh berbeza di antara satu dengan yang lain.³²

2. Hari Kiamat (*al-Ma'ad*): Dalam keterangan selanjutnya, menurut Dr.Husayn 'Utwan, pendapat al-Qadariyyah dalam persoalan para pelaku dosa adalah selari (*muwafaqah*) dengan pendapat Ahl al-Sunnah kerana mereka mengatakan para pelaku dosa di kalangan orang-orang mu'min tidak akan kekal di dalam neraka.³³

3. Persoalan Iman: Dalam persoalan ini, Ghaylan dikatakan mempunyai pendapat yang hampir sama dengan golongan al-Murji'ah yang menekankan *al-ma'rifah wa al-iqrar bi-Llah Ta'ala wa bi-rasulih* (mengetahui dan mengakui Allah dan Rasul-nya dianggap memenuhi iman). *Al-'amal* (perbuatan) tidak dimasukkan dalam bahagian *Iman*. Justeru itu, mereka juga dikenali *al-Qadariyyah al-Murji'ah*.³⁴ Walaupun pada kebiasaannya, *al-iman* terdiri daripada tiga (3) komponen, iaitu “ *ma'rifah bi'l-qalb wa iqrar bi'l-lisan wa 'amal bi'l-jawarih* (mengetahui dengan hati, mengakui dengan lidah dan mengamal dengan anggota.)

4. Persoalan *al-Imamah*: Menurut pendapat Ghaylan, *al-Imamah* diakui walaupun bukan daripada kaum Quraisy. Seseorang yang berpegang teguh dengan al-Qur'an dan al-Sunnah dianggap sah menjadi *Imam al-muslimin*, tetapi dengan syarat bahawa umat Islam hendaklah bersepakat terhadap *Imamahnya*.³⁵ Secara perbandingan, pendapatnya selari dengan pendapat al-Khawarij dan kerana itu dia dikenali sebagai *Ghaylan al-Khariji* kerana persamaan pendapatnya dengan al-Khawarij dalam isu *al-Imamah* ini. Pada masa yang sama juga, aliran ini turut dikenali *al-Qadariyyah al-Khawarij*.³⁶

5. *Af'al al-'Ibad* (perbuatan manusia): Dalam persoalan perbuatan manusia, mereka mengatakan kehendak Allah tidak mempunyai pengaruh yang menentukan kepada perbuatan manusia.³⁷ Manusia ditentukan sepenuhnya oleh akal mereka dalam penentuan perbuatan mereka. Allah bukanlah pencipta kepada setiap usaha manusia. Manusia sendiri berkuasa di atas setiap usaha mereka dan Allah tidak berkuasa di atas usaha manusia dan juga

29 Lihat: Wan Zailan Kamaruddin b.Wan Ali, “ Aliran al-Mujbirah dan kesan Pemikirannya di Malaysia,” dlm. *Jurnal Usuluddin*, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Bil.12, Syawal 1421/Disember 2001, h.59-72.

³⁰ Al-Ghurabi, *Tarikh*, h.33; al-Bazdawi, *Usul al-Din*, h.250.

³¹ Al-Bazdawi, *ibid*, h.250.

³² Husayn 'Utwan, *op.cit*, h.49.

³³ *Ibid*, h.49.

³⁴ *Ibid*, h.50.

³⁵ Al-Ghurabi, *Tarikh*, h.34.

³⁶ Husayn 'Utwan, *op.cit*, h.51.

³⁷ Al-Asy'ari, *Maqalat*, h.513; Watt, W.M., *Freewill and Predestination*, h.41; al-Ghurabi, *Tarikh*, h.33. (Ibn al-Murtada menyenaraikannya dalam aliran al-Mu'tazilah peringkat ke-IV (*al-tabaqah al-rabi'ah*). Lihat: *Tabaqat al-Mu'tazilah*, h.25.)

perbuatan seluruh binatang (*hayawan*). Justeru, mereka dikenali *al-Qadariyyah*³⁸ atau *al-Qadariyyah al-Mu'tazilah*.

6. Al-Istita'ah (Kemampuan): Dalam persoalan *al-istita'ah* (kemampuan), mereka berpendapat *al-istita'ah ma'a al-fi'l* yang merujuk kepada kemampuan manusia adalah serentak dengan perbuatan.³⁹ Ia bererti sesuatu perbuatan itu mampu dilakukannya hanya pada masa dia melakukannya, dan bukan sebelum sesuatu perbuatan itu dilakukan.

8. Perkembangan Peringkat Awal Aliran al-Qadariyyah:

Menurut J. Van Ess, istilah al-Qadariyyah kelihatan muncul di 'Iraq. Bagaimanapun Dr. Husayn 'Utwan mengatakan aliran al-Qadariyyah dikatakan muncul di Syam pada akhir zaman pemerintahan Bani Umaiyah yang berketurunan Sufyan bin Harb (*al-Sufyaniyyin*), seterusnya berkembang ke zaman *al-Marwaniyyin*.

Keterangan J. Van Ess menunjukkan bahawa aliran al-Qadariyyah merujuk kepada sekumpulan tokoh ilmu kalam (*mutakallimin*) yang mewakili golongan yang mempertahankan prinsip "*liberum arbitrium*" atau "kebebasan kehendak" pada peringkat awal perkembangan Islam, kira-kira dari tahun 70/690 sehingga penyatupaduan al-Mu'tazilah pada permulaan abad ke-3/9.⁴⁰ Dokumen terawal mengenai gerakan tersebut adalah *Risalah Fi al-Qadr* oleh al-Hasan al-Basri,⁴¹ yang mungkin disusun di antara tahun 75/694, semasa kedatangan al-Hajjaj ke 'Iraq dan tahun 80/699, permulaan revolusi Ibn al-Asy'ath.⁴²

Para sahabat yang mutakhir tidak menyukai aliran al-Qadariyyah. Kebanyakan di antara mereka seperti 'Abdullah bin 'Umar, Jabir bin 'Abdullah, Abu Hurairah, Ibn al-'Abbas, Anas bin Malik, 'Abdullah bin Abi Awfi, 'Uqbah bin 'Amir al-Juhani menyisihkan diri mereka daripada al-Qadariyyah. Selain dari itu, mereka dikatakan turut berpesan kepada generasi selepas itu agar menolak al-Qadariyyah dan tidak menyembahyangkan jenazah mereka serta tidak melawat mereka pada masa mereka sakit.

Tokoh al-Qadariyyah pertama yang dikatakan memainkan peranan utama menggerakkan aliran ini ialah Ma'bad al-Juhani, salah seorang sahabat al-Hasan al-Basri, dan dia juga dikatakan tokoh pertama yang membicarakan persoalan *al-Qadr*.⁴³ Pada zaman khalifah Bani Umaiyah, 'Abd al-Malik bin Marwan, dia mati disalib.⁴⁴ Pendapat yang lain pula mengatakan disebabkan pemberontakannya bersama-sama dengan al-Asy'ath, al-Hajjaj (gabenor Bani Umaiyah) telah menyeksa dan membunuhnya pada tahun 80H.⁴⁵

38 Al-Baghdadi, *al-Farq bayn al-Firaq*, al-Qahirah, t.t, h.68; al-Maturidi, *Kitab al-Tawhid*, h.277.

39 Al-Bazdawi, *Usul al-Din*, h.250. (Menurut al-Bazdawi, ia merupakan pendapat kumpulan al-Husayniyyah al-Qadariyyah).

40 J. Van Ess, *EI* (2), IV, h.368.

41 Al-Hasan al-Basri (m.87H) dimasukkan dalam *al-Qadariyyah al-Mutawassitah* disebabkan pendapatnya tentang persoalan *al-Qadr* yang menyamai al-Qadariyyah seperti dapat dilihat dalam tulisannya, "*Risalah fi al-Qadr*," yang merupakan jawapan kepada surat daripada 'Abd al-Malik bin Marwan (yang berfahaman al-Jabariyyah) yang dikatakan tidak bersetuju dengan pendapatnya tentang persoalan tersebut. (Lihat: Al-Hasan al-Basri, "*Risalah fi al-Qadr*" dlm. *Rasa'il al-'Adl wa al-Tawhid*, (ed. Muhammad 'Imarah), Dar al-Hilal, h.81-94.

42 J. Van Ess, *op.cit*, h.369.

43 Al-Hifni, *Mawsu'ah*, h.315.

44 J. Van Ess, *op.cit*, h.370.

45 Al-Baghdadi, *al-Farq*, h.17.

Selanjutnya pada zaman Khalifah ‘Umar bin ‘Abd al-‘Aziz, aliran ini telah dipelopori oleh Ghaylan al-Dimasyqi atau Ghaylan bin Marwan (m.105H) yang dikatakan tokoh kedua berbicara mengenai *al-Qadr* selepas Ma‘bad al-Juhani.⁴⁶ Berhubung dengan bapanya, Marwan,⁴⁷ dikatakan dia pernah menjadi *mawla* Khalifah ‘Uthman bin ‘Affan. Bagaimanapun menurut Ibn al-Murtada pula, Marwan bukanlah *mawla* ‘Uthman, sebaliknya Ghaylan sendiri sebenarnya *mawla* ‘Uthman.

Dalam beberapa keterangan dikatakan Ghaylan sebagai “ seorang yang terkenal dalam bidang ilmu (*al-‘ilm*), zuhud (*al-zuhd*), *al-du‘a*’ dan juga dalam bidang tawhid dan keadilan Allah pada zamannya.” Ghaylan berbangsa Qibti Mesir yang memeluk Islam dan menetap di Syam dan seterusnya menjadi ketua aliran al-Qadariyyah di kota tersebut. Dikatakan bahawa dia mengambil pendapat tentang *al-Qadr* daripada Ma‘bad al-Juhani al-Basri semasa lawatannya ke kota Dimasyq.

Pada zaman ‘Abd al-Malik bin Marwan, Ghaylan pernah dilantik oleh khalifah sebagai guru (*mu‘addib*) kepada anaknya, Sa‘id.⁴⁸ Beliau mempunyai ramai sahabat yang dikenali sebagai *al-Ghaylaniyyah* di kawasan sekitar Syam.⁴⁹

Khalifah ‘Umar bin ‘Abd al-‘Aziz (yang kelihatan bersependapat dengan Mu‘awiyah bin Abi Sufyan dalam masalah *al-Qadr*), pernah berdebat dengan Ghaylan dan melarangnya berbicara tentang *al-Qadr*, serta memintanya bertaubat kerana pegangannya kepada pendapat tersebut. Namun, selepas kematian ‘Umar II, dia kembali kepada pendapatnya.⁵⁰

Pada zaman Hisyam bin ‘Abd al-Malik, Ghaylan merupakan tokoh pertama yang mula-mula mengembangkan program politik. Pada prinsipnya, propaganda Ghaylan tidak mempunyai hubungan dengan pengajaran dan pemikiran al-Qadariyyah, yang pada masa yang sama, juga dipimpin oleh Harith bin Surayj, seorang tokoh aliran al-Jabariyyah di Ma Wara al-Nahr (Transoxiana). Ghaylan akhirnya dihukum bunuh oleh Hisyam bin ‘Abd al-Malik di Damsyik bersama-sama dengan seorang pengikut setianya, Abu ‘Abd al-Salam Salih bin Suwayd al-Dimasyqi.⁵¹

Menurut keterangan Ibn al-Murtada, dia dibunuh disebabkan persoalan politik dan bukannya persoalan agama terutama kerana celaannya terhadap Bani Umaiyyah.⁵² Sekiranya kenyataan ini boleh diterima, ini bererti persoalan *al-Qadr* bukanlah penyebab kematiannya tetapi kerana para pemerintah Bani Umaiyyah tidak bersetuju dan tidak menyukai pendapatnya tentang *al-Qadr* yang seandainya diterima, akan mendatangkan bahaya kepada kerajaan Bani Umaiyyah itu sendiri.

Bagaimanapun, para tokoh sejarawan berpendapat dia dibunuh kerana persoalan *al-Qadr*, berdasarkan suatu keterangan bahawa al-Awza‘i pernah diutuskan oleh Hisyam bin ‘Abd al-Malik untuk berhujah dengannya. Tiga (3) soalan dikemukakan tanpa dapat dijawab

46 Al-Ghurabi, *Tarikh*, h.21.

47 Al-Ghurabi, *ibid*, h.33. Lihat khilaf mengenai bapanya dalam *Tabaqat al-Mu‘tazilah*, h.25.

48 Ibn al-Athir, *al-Iqd al-Farid*, II, h.378. Lihat sama: Husayn ‘Utwan, *al-Firaq al-Islamiyyah*, h.34-35.

49 Ibn Qutaybah, *al-Ma‘arif*, h.484; *al-Tarikh al-Kabir*, IV, h.102. (Al-Ghaylaniyyah terdiri daripada para sahabat (Ghaylan bin Marwan) dan mereka merupakan golongan Murji‘ah di Syam. Lihat: al-Asy‘ari al-Qummi, *Kitab al-Maqalat*, h.6, 132.)

⁵⁰ Al-Ghurabi, *op.cit*, h.40.

⁵¹ Husayn ‘Utwan, *op.cit*, h.41.

⁵² Ibn al-Murtada, *al-Munyah wa al-Amal*, h.15.

oleh Ghaylan sehingga akhirnya menyebabkan dia dijatuhi hukum bunuh oleh Hisyam, atau dalam pendapat yang lain dikatakan disalib hidup-hidup di pintu kota Dimasyq.⁵³

Seterusnya, pada zaman Khalifah al-Walid bin Yazid bin ‘Abd al-Malik, aliran al-Qadariyyah dikuasai menerusi kepimpinan Yazid bin al-Walid bin ‘Abd al-Malik, yang merupakan salah seorang ketua yang terkuat dan terkenal di kalangan mereka, yang telah menggerakkan aliran ini untuk menjatuhkan dan melucutkan kedudukan anak bapa saudaranya, al-Walid bin Yazid.⁵⁴

Bagaimanapun, aliran al-Qadariyyah dikatakan mulai lemah selepas kematian Yazid bin al-Walid bin ‘Abd al-Malik. Kekuatan, pengaruh dan aktiviti mereka semakin berkurangan dan merosot.

Marwan bin Muhammad merupakan tokoh dan pemerintah yang sangat membenci aliran ini dan beranggapan bahawa mereka merupakan punca dan penyebab kematian al-Walid bin Yazid. Justeru, dia telah mengambil tindakan dengan mengenakan tekanan, penindasan dan kekejaman terhadap mereka.

Menurut penjelasan Dr. Husayn ‘Utwan, Bani Umaiyyah mengambil sikap membenci aliran al-Qadariyyah dan mengambil tindakan sewajarnya untuk menekan dan menindas mereka disebabkan beberapa faktor, di antaranya adalah:

Pertama: Persoalan perbuatan manusia (*af‘al al-insan*) yang didokongi Bani Umaiyyah yang kuat menyokong aliran al-Jabariyyah, berlawanan dengan al-Qadariyyah. Persoalan ini merupakan punca dan penyebab terbesar dan terpenting menyebabkan Bani Umaiyyah bersikap kejam dan keras terhadap al-Qadariyyah. Ini kerana pendapat al-Qadariyyah dalam persoalan ini akan mendedahkan dan menelanjangkan kekejaman dan penindasan Bani Umaiyyah terhadap umat Islam seluruhnya pada zaman kekuasaan mereka. Perkara yang lebih penting lagi, pendapat tersebut akan menyebabkan Bani Umaiyyah dilihat telah melakukan banyak pindaan, perubahan dan *bid‘ah* dalam Islam yang dilarang oleh Allah (s.w.t) dan Rasul-Nya (s.‘a.w).⁵⁵

Kajian dan penyelidikan yang mendalam tentang Kerajaan Bani Umaiyyah pada zaman kekuasaan mereka ke atas dunia Islam menunjukkan bahawa mereka menyokong dan memihak kepada pendapat al-Jabariyyah dan bahkan mendokong dan mempropagandakan pendapat mereka tentang persoalan perbuatan manusia. Ini kerana pendapat yang meletakkan segala-gala perbuatan manusia telah ditentukan atau ditaqdirkan oleh Allah (s.w.t) dapat menyelamatkan mereka daripada tuduhan dan kecaman masyarakat dan dunia Islam terhadap kezaliman mereka itu.⁵⁶

Pada umumnya aliran al-Qadariyyah dan pemikirannya yang mewakili golongan minoriti, tidak diterima dan diakui oleh umat Islam kerana fahamannya yang berbeza dengan pemikiran majoriti umat Islam pada zaman itu. Musuh al-Qadariyyah yang paling kuat dan keras adalah para pemerintah atau khalifah Bani Umaiyyah sendiri secara khusus. Menurut Dr. Husayn ‘Utwan, al-Qadariyyah merupakan salah satu kelompok atau golongan yang

⁵³ Al-Ghurabi, *Tarikh*, h.39.

⁵⁴ Al-Sam‘ani, *al-Ansab al-Asyraf*, II, h.329; Husayn ‘Utwan, *al-Firqah al-Islamiyyah*, h.42.

⁵⁵ Husayn ‘Utwan, *ibid*, h.49.

⁵⁶ Lihat: Wan Z. Kamaruddin bin Wan Ali, “Aliran al-Mujbirah dan kesan pemikirannya di Malaysia,” dalam *Jurnal Usuluddin*, Bil. 12, 1421/2000, h.59-72.

menentang Bani Umaiyyah kerana mereka membuat seruan ke arah kebaikan secara menyeluruh (*al-Islah al-syamil*).⁵⁷ Menurut keterangan ‘Abd al-Jabbar, kebanyakan sahabat berpegang teguh kepada konsep keadilan Allah, yang menafikan sebarang bentuk keburukan dan kezaliman daripada Allah (s.w.t). Dikatakan orang pertama yang mengatakan kebaikan dan keburukan adalah dijadikan dan ditetapkan oleh Allah (s.w.t) dengan kehendak dan kekuasaan-Nya ialah Mu‘awiyah bin Abi Sufyan.⁵⁸ Keadaan ini disebabkan corak dan bentuk pemerintahan mereka yang dikatakan zalim dan memudaratkan Islam dan umat Islam.⁵⁹ Justeru kerana itu Bani Umaiyyah dikatakan lebih gemar mendokong pemikiran al-Jabariyyah dan sentiasa menyokong mereka dalam apa jua keadaan. Sebaliknya, sekiranya pemikiran al-Qadariyyah disokong, akan menyebabkan mereka terpaksa menanggung dosa dan kesalahan akibat perbuatan zalim terhadap umat Islam seluruhnya.

Kedua: Aliran al-Qadariyyah dilihat sebagai bahaya kepada mereka kerana sikap dan penentangan mereka terhadap kekejaman dan penindasan yang dilakukan Bani Umaiyyah terhadap umat Islam secara umumnya, bahkan beberapa orang tokoh aliran tersebut dilihat terlibat dalam kumpulan yang menentang Bani Umaiyyah.⁶⁰

Usaha-usaha untuk menumpaskan mereka dilakukan oleh para khalifah Bani Umaiyyah. Contohnya, di Syria, peranan dan gerakan al-Qadariyyah ditumpaskan oleh para khalifahnya manakala di Basrah pula, peranan dan gerakan tersebut terbatas kepada ketokohan ‘Amr bin ‘Ubayd.

Aliran al-Qadariyyah yang dikatakan lebih bersifat mendiamkan diri seperti al-Hasan al-Basri dan muridnya, Qatadah bin Di‘amah (m.117/735) sebaliknya lebih menonjol. Kumpulan kecil beraliran al-Qadariyyah yang lebih sederhana (moderate), yang mengikuti al-Hasan dan Qatadah diwakili para ahli hadith (*al-muhaddithun*) dan lain-lain, yang dikatakan terdiri daripada Sa‘id bin Abu ‘Aruba al-‘Adawi (m.156/773) dan alirannya, Hisyam bin Abi ‘Abd Allah al-Dastuwa’i (m.153/770) dan anaknya, Mu‘adh (m.200/815), Sallam bin Miskin al-Namari (m.164/781), Abu Hilal Muhammad bin Sulaym al-Rasibi (m.167/784), ‘Abd al-Wahhab bin ‘Ata’ al-Khaffaf (m.204/820).

Selain itu, aliran ini juga diikuti para tokoh *zuhud* dan *qussas*. Pada masa yang sama kemudiannya, suatu kumpulan *‘ilm al-kalam* yang lebih kuat tertumpu kepada ‘Amr bin ‘Ubayd turut berkembang, yang seterusnya bergandingan dengan tokoh al-Mu‘tazilah, Abu Salamah Hasan bin Dhakwan, ‘Amr bin Fa‘id al-Uswani, Hamzah bin Najih, Basyir al-Rahhal, ‘Abd al-Warith bin Sa‘id al-Tannuri (m.180/796) dan Qadi ‘Abbad bin Mansur al-Naji (m.152/769).

Kajian-kajian menunjukkan bahawa pada peringkat awal, pokok persoalan mengenai keadilan Allah diambil dan dijadikan asas perbincangan, dan bukannya kebebasan manusia melakukan keburukan. Seterusnya, Allah wajib memenuhi kata-Nya, *wa‘d* dan *taklif bi-ma la yutaq* adalah mustahil.⁶¹

⁵⁷ Husayn ‘Utwan, *al-Firaq al-Islamiyyah*, h.41.

⁵⁸ ‘Abd al-Jabbar, *Fadl al-I‘tizal*, h.143.

⁵⁹ Lihat: Abu al-A‘la al-Mawdudi, *Khilafah wa al-Muluk*, Dar al-Qalam, al-Kuwayt, Cet.I, 1398/1978.

(Dikatakan kerana buku inilah, populariti Abu al-A‘la al-Mawdudi menurun kerana banyak pendedahan yang tidak disukai telah dikemukakan mengenai fakta-fakta sejarah umat Islam zaman lampau).

⁶⁰ Husayn ‘Utwan, *op.cit*, h.41-55.

⁶¹ J.Van Ess, *op.cit*, IV, h.371.

Dari sinilah, aliran daripada cabang al-Qadariyyah yang lebih sederhana (moderate) mengambil hujah dan dalil mereka iaitu Allah hanya menciptakan yang baik, keburukan lahir daripada manusia atau daripada syaitan. Manusia bebas memilih antara dua, tetapi Allah mengetahui dari sejak azali bahawa manusia akan memilih. Dia hanya “menunjukkannya kepada kesesatan” (*idlal*) sekiranya seseorang manusia itu membuka jalan ke arah itu menerusi perbuatan dosanya.

Pengajaran ini dikatakan telah mendapat tentangan dari kalangan umat Islam. Di ‘Iraq, sebahagian besarnya dikatakan datang daripada Kufah. Di Basrah pula, pada mulanya ia masih lemah sehingga pertengahan abad ke-2/8, tindakan memboikot al-Qadariyyah dilihat masih terbatas kepada persekitaran dan lingkungan yang terhad, tetapi secara beransur-ansur, pendapat aliran ini mulai mendapat kekuatan baru apabila aliran al-Mu‘tazilah mulai bertambah sadar terhadap diri mereka, dengan kepercayaan kepada *al-Qadr* yang lebih kukuh.

Secara umumnya, boleh dikatakan hadith-hadith yang menyokong atau menyebelahi al-Qadariyyah memang amat sukar ditemui.

Pada abad ke-3/9, al-Qadariyyah yang sederhana dalam bentuk yang lama kelihatan lenyap dan pupus di Basrah. Aliran al-Jabariyyah yang merupakan lawan dan saingan al-Qadariyyah, mulai memberikan penekanan kepada peranan dan ketokohan Ma‘bad al-Juhani (Ma‘bad bin ‘Abdullah bin ‘Ukaym al-Juhani) sebagai pengasas aliran al-Qadariyyah, tokoh besar yang dilihat sezaman dengan al-Hasan al-Basri, bermatlamat untuk menyelamatkan pengaruh dan kekuatan (ortodoksi) mereka.

Di Makkah, tumpuan pemikiran aliran al-Qadariyyah dikatakan difokuskan kepada tokoh hadith, Abu Yasar ‘Abdullah bin Abu Najih al-Thaqafi (m.131/748) yang berpegang kepada doktrin al-Hasan al-Basri dan seringkali mengunjungi kuliah Abu ‘Ubayd. Di Madinah pula, terdapat beberapa orang anggota al-Qadariyyah menyokong revolusi Muhammad al-Nafs al-Zakiyyah (145/762).⁶²

Secara umumnya, aliran al-Qadariyyah terdiri daripada para pengikut Ghaylan al-Dimasyqi yang mengikuti pendapat dan pemikirannya. Mereka kebanyakannya berpusat di Syam, Dimasyq dan sekitarnya. Dalam kebanyakan tulisan mengenai aliran ini, golongan ini dikenali sebagai *al-Qadariyyah al-khalisah*. (al-Qadariyyah tulen).

9. Aliran al-Qadariyyah dan survivalnya dalam dunia Islam:

Dalam dunia Islam, aliran al-Qadariyyah dengan nama itu boleh dikatakan hanya wujud pada zaman Bani Umaiyah sahaja tetapi pada zaman Bani ‘Abbasiyyah, nama tersebut telah lenyap ditelan zaman. Para pengikut dan pemikiran mereka dikatakan menyerap masuk ke dalam aliran al-Mu‘tazilah. Faktor-faktor yang menyebabkan aliran itu hilang dan lenyap adalah disebabkan:

Pertama: Nama al-Qadariyyah tidak popular dalam Islam dan di kalangan kaum muslimin sendiri kerana wujudnya hadith-hadith Nabi (s.‘a.w) yang mencela mereka.

62 J.Van Ess, *op.cit*, IV, h.372.

Kedua: Tentangan terhadap mereka sangat besar di kalangan para pemimpin (khalifah), ulama dan umat Islam khususnya daripada aliran Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah beraliran al-Asy'ariyyah dan al-Salafiyyah sehingga mereka dianggap golongan yang sesat dan menyesatkan.

Ketiga: Bani Umaiyyah begitu menekan dan menindas golongan al-Qadariyyah kerana perbezaan pendapat dan pemikiran yang cukup ketara khususnya dalam persoalan akidah yang membabitkan isu-isu politik (political theology).

Keempat: Al-Qadariyyah bermatlamat untuk menentang kepimpinan Bani Umaiyyah yang dilihat sebagai zalim dan dianggap tidak berhak terhadap kepimpinan dunia Islam. Para pemimpinnya terlibat dalam pemberontakan menentang Bani tersebut sehingga membabitkan pembunuhan sebahagian besar daripada mereka.

10. Aliran al-Qadariyyah, pengaruh dan kesan pemikirannya di Alam Melayu:

Dalam membicarakan sejarah pemikiran Islam di Alam Melayu dan Malaysia,⁶³ para pengkaji sejarah yang mengandaikan kebenaran Islam itu terletak kepada Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah sebagai kayu ukurnya beranggapan bahawa semua aliran pemikiran (madhhab) selain daripada Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah sebagai menyeleweng, salah dan sesat. Ini kerana, kriteria menyeleweng dan tidak menyelewengnya sesuatu aliran itu pula diasaskan kepada pemikiran mazhab yang sudah sedia mendominasi Alam Melayu ini iaitu Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Implikasi daripada kenyataan tersebut adalah bahawa semua pendapat dan pemikiran tokoh dan aliran pemikiran lain yang tidak selari dan tidak sejajar dengan pemikiran dan keputusan yang diakui dan diterima menerusi Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah sebagai sah akan tertolak dengan sendirinya dan boleh dianggap salah dan sesat.

Berhubung dengan kedatangan Islam ke Alam Melayu secara khusus, data-data sejarah yang diperolehi menunjukkan bahawa sebelum kedatangan aliran pemikiran Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah (al-Asy'ariyyah dan al-Syafi'iyyah), beberapa aliran pemikiran lain sudah mendahului pengaruh mereka dan bahkan mazhab-mazhab tertentu sudah menjadi mazhab rasmi di beberapa buah negara Islam di rantau ini. Suatu kenyataan yang sebenarnya tidaklah sukar untuk diterima memandangkan orang-orang Islam daripada pelbagai aliran pemikiran tersebut telah bertebaran di pusat-pusat perdagangan di kawasan Timur Jauh dan Asia Tenggara, dan dikatakan tarikh awal ketibaan orang-orang Islam ke rantau ini adalah pada zaman pemerintahan Bani Umaiyyah lagi⁶⁴ atau lebih awal dari itu.

Secara umumnya, kebanyakan pengkaji sejarah mengenai kedatangan Islam di Alam Melayu mengakui bahawa Islam yang disebarkan, dimulakan oleh tokoh-tokoh sufi dalam bentuk pemikiran tasawwuf. Aliran pemikiran lain turut memberikan sumbangan tetapi tidaklah ketara dan menonjol. Dalam konteks sumbangan kepada perkembangan Islam,

Di Alam Melayu juga, Islam yang dibawa dan dianuti orang-orang Melayu-Muslim adalah Islam bercorak Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah yang merujuk kepada aliran al-Asy'ariyyah dari segi akidah dan aliran al-Syafi'iyyah dari segi syariah.

63 Mills, J.V. "Arab and Chinese Navigators in Malaysian Waters in about 1500 A.D.," dlm. *JMBRAS*, XLVII (47), 1974, Bhg.II, h.1-82; Brian E.Coless, "Persian Merchants and Missionaries in Medieval Malaya," dlm. *JMBRAS*, XLII (42), 1969, Bhg.II, h.10-47.

⁶⁴ Gronoveldt, W.P., *Historical notes on Indonesia and Malaya compiled from Chinese Sources*, h.14.

Dalam sumber-sumber pengajian dan pengajaran di kebanyakan institusi di Alam Melayu dan di Malaysia, kitab-kitab yang digunakan secara umumnya, dan kitab-kitab jawi secara khusus mendokong aliran Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Dr. Mohd Nor Ngah menjelaskan:

“ With reference to theology, *Kitab Jawi* explain the Sunni doctrine. When discussing Fiqh, the *Kitab Jawi* expound the Shafi'i school of thought.”⁶⁵

Dalam konteks perbincangan mengenai perbuatan manusia atau persoalan *al-Qada'* dan *al-Qadr* secara khusus, Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah (aliran al-Asya'irah) pada asasnya menentang aliran pemikiran al-Qadariyyah.⁶⁶ Ini dijelaskan oleh beliau dengan kata-kata:

“ Malay Muslim scholars are orthodox Sunni, of the school of Shafi'i, a school peculiar to Southeast Asia. In Sunni thinking, man has no influence whatsoever on his voluntary actions, since they are the result of Allah's power alone. But although each individual action is pre-ordained, the individual *iktisab* or “ acquires ” it by identifying himself with it in action and so becomes responsible.”⁶⁷

“ The Mu'tazilah (or al-Qadariyyah) school of thought is easier for a layman to understand. The followers of al-Mu'tazilah say that man produces his voluntary actions, good as well as bad, by the power which Allah has created in him. Man is in fact a free agent. But *Kitab Jawi* consider the Mu'tazilites (or al-Qadarites) heretics and the curse of Allah is on them.”⁶⁸

Dalam konteks Tanah Melayu, sejarah menunjukkan persoalan *al-Qada'* dan *al-Qadr* atau al-Qadar telah timbul di Melaka. Buku *Sejarah Melayu* menggambarkan bahawa Melaka sedang mengalami perbalahan dalam masalah tersebut antara pendukung fahaman al-Jabariyyah dengan fahaman al-Qadariyyah. Menurut fahaman al-Jabariyyah, ia menganggap nasib atau rezeki seseorang itu sudah ditentukan sejak azali lagi dan manusia tidak memiliki daya ikhtiar untuk mengubah kehendak Tuhan. Sebaliknya, fahaman al-Qadariyyah mendukung kebebasan ikhtiar manusia atas alasan bahawa manusia bertanggungjawab terhadap perbuatannya sendiri. Persoalan ini begitu merumitkan sehingga menyebabkan ia terpaksa dirujuk kepada para ulama di Pasai untuk mencari penyelesaiannya.⁶⁹

Keadaan dan situasi yang berlaku menyebabkan akhirnya, serangan-serangan dalam bentuk perkataan dan perbuatan ditujukan kepada mereka sehingga sampai ke tahap

⁶⁵ Mohd Nor Ngah, *Kitab Jawi: Islamic Thought of The Malay Muslim Scholars*, ISEAS, 1983, h.3.

⁶⁶ Menurut Za'ba, persoalan *al-Qada'* dan *al-Qadr* yang diistilahkan sebagai falsafah takdir dalam tulisannya kelihatan sebenarnya lebih cenderung atau hampir kepada pemikiran al-Mu'tazilah dan al-Qadariyyah berbanding dengan al-Salafiyah yang tulen walaupun beliau dikatakan pengikut aliran tersebut. (Lihat: Wan Zailan Kamaruddin Ali, “ Pemikiran Za'ba Mengenai Islam,” dalam *100 Tahun Za'ba: Za'ba Pejuang Bangsa*, (ed. Wan Abdul Kadir), Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1996, h.285-308.)

⁶⁷ Mohd Nor Ngah, *Kitab Jawi*, h.18. Lihat sama: *Jawharat al-Tawhid*, (terj. Ibrahim al-Laqqani), h.29; Husayn Nasir bin Muhammad Tayyib, *Usul al-Tawhid*, Taiping, Perak, 1953, h.26; *Tuhfat al-Raghibin*, Singapura, t.t, h.12-13.

⁶⁸ Mohd Nor Ngah, *Kitab Jawi*, h.19. Lihat sama: *Jawharat al-Tawhid*, (terj. Ibrahim al-Laqqani), h.27.

⁶⁹ W.G.Shellabear, *Sejarah Melayu*, Fajar Bakti, Petaling Jaya, 1978, hlm.187.

mengkafirkan mereka. Ini kerana para ulama yang mendominasi pemikiran kaum muslimin di Alam Melayu dan Malaysia hanya terdiri daripada ulama ortodoks dan konservatif beraliran al-Asy'ariyyah - al-Syafi'iyah.⁷⁰

Golongan *umara'* turut memainkan peranan yang penting dengan memberikan naungan, dan memperlihatkan kekuasaan mereka dengan mendapat nasihat daripada para ulama tersebut untuk mengekang dan menghalangi sebarang bentuk ajaran, pemikiran dan aliran lain daripada bertapak di Alam Melayu. Contohnya, Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (999 – 1046H/1591 – 1636M) yang memerintah Aceh dan menakluki sebahagian besar Alam Melayu dikatakan pernah mengeluarkan larangan kepada 72 puak (*firqah*) yang dianggap menyeleweng dan tidak membenarkan ajaran dan fahaman mereka disebar.⁷¹

Kenyataan tersebut adalah sama seperti yang pernah diisytiharkan oleh madhhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah (ASWJ) yang menerimapakai kenyataan tersebut apabila kebanyakan ulama membuat keputusan untuk mengeluarkan fatwa “ mewajibkan bertaklid kepada mazhab-mazhab tersebut dan mengharamkan bertaklid kepada mazhab-mazhab selainnya,”⁷² sehingga akhirnya seluruh dunia Islam telah menerima pengaruh keempat-empat mazhab yang termasuk dalam Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, dan pintu *ijtihad* kemudiannya ditutup⁷³ setelah keempat-empatnya diakui sah untuk memutuskan hukum, manakala mazhab al-Asya'irah secara langsung diterima dalam membentuk pemikiran akidah (*'aqidah*) generasi Islam seterusnya.

Kenyataan dan keterangan yang hampir sama diperlihatkan oleh Dr. Ahmad Hidayat Buang yang melakukan kajian mengenai institusi fatwa di Malaysia masa kini secara khusus, yang turut menjelaskan keadaan dan kedudukan yang sama berlaku. Beliau menjelaskan bahawa “ umat Melayu mengikut aliran mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dari segi pegangan teologi (akidah) dan mazhab al-Syafi'i dari segi fiqh. Mazhab ini secara *de facto* adalah mazhab rasmi agama Islam di Malaysia.” Selanjutnya dalam keterangan beliau seterusnya dikatakan: “ Fatwa-fatwa yang dikeluarkan di negeri-negeri menetapkan tiga (3) perkara:

- a. Perisytiharan bahawa pegangan umat Islam di dalam negeri adalah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dari segi akidah, syari'ah dan akhlak.
- b. Pegangan selain dari Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah adalah bercanggah dengan hukum syarak.
- c. Penyebaran apa-apa ajaran dalam apa-apa bentuk pun selain pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah adalah dilarang.”⁷⁴

Aliran al-Salafiyah yang juga dirujuk sebagai sebahagian daripada Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah turut diterima dan diamalkan (terutama selepas abad ke-13/19).⁷⁵ Aliran-aliran

⁷⁰ Ibrahim Abu Bakar, *Islamic Modernism in Malaya as Reflected in Hadi's Thought*, (Tesis Ph.D belum diterbitkan), Universiti McGill, 1992, h.279.

⁷¹ Abdul Rahman Hj. Abdullah, *Pemikiran Umat Islam di Nusantara*, hlm. 108.

⁷² Al-Maqrizi, *Khitat*, IV, h.161; al-Syawkani, *Irsyad al-Fuhul*, hlm. 253; Ahmad Amin, *Zuhr al-Islam*, IV, h.213.

⁷³ Muhibb-Allah bin 'Abd al-Syakur, *Fawatih al-Rahamut*, II, hlm.399; Wael b. Hallaq, “ On the Origins of the Controversy about the Existence of Mujtahids and the Gate of Ijtihad,” dlm. *SI*, 1986, LXIII (63), h.129-142.

⁷⁴ Ahmad Hidayat Buang, “ Kebebasan Memberi Pandangan Dalam Isu-isu Agama Islam: Kajian Terhadap Fatwa-fatwa Jabatan Mufti Negeri-negeri di Malaysia,” kertas kerja di Seminar Pemikiran Islam Peringkat Kebangsaan (1), 11/1/2003 di Akademi Pengajian Islam.

pemikiran lain secara umumnya tidak diterimapakai sebagai aliran-aliran yang diiktiraf oleh umara' dan ulama' yang bernaung di bawah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah walaupun mungkin ada di antaranya dianuti oleh beberapa kelompok umat Islam. Contohnya, aliran al-Zaidiyyah yang mempunyai banyak persamaan dengan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dan beberapa orang ulama mereka diakui dan diterima dengan baik dan juga aliran al-Wahabiyyah yang mulai mendominasi dunia Islam sekitar abad ke-13/19.⁷⁶

11. Konklusi:

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa walaupun aliran al-Qadariyyah (atau kemudiannya lebih dikenali sebagai al-Mu'tazilah atau disinonimkan dengannya) telah lama hilang dari dunia Islam namun pengaruh dan kesan pemikirannya masih wujud dan masih relevan kepada minoriti umat Islam khususnya di Malaysia. Majoriti umat Islam sebaliknya berada pada posisi menentang pemikiran tersebut kerana mereka secara umumnya menganuti pemikiran Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah yang menjadi pegangan rasmi.

Berdasarkan kajian yang dilakukan menunjukkan bahawa aliran al-Qadariyyah terbahagi kepada dua, *al-Qadariyyah al-Khalisah* dan *al-Qadariyyah al-Mutawassitah*. Walaupun masyarakat Melayu-Muslim di Malaysia dikatakan menolak aliran al-Qadariyyah secara keseluruhannya, namun begitu pada teorinya, mereka sebenarnya hanya menolak *al-Qadariyyah al-khalisah* (tulen) yang diketuai oleh Ma'bad al-Juhani dan Ghaylan al-Dimasyqi, tetapi masih dan tetap menerima pemikiran *al-Qadariyyah al-mutawassitah* (sederhana) yang dipimpin oleh al-Hasan al-Basri. Ini kerana al-Hasan al-Basri merupakan tokoh yang berpengaruh besar dalam dunia Islam, dan ketokohan dan pemikirannya diterima oleh hampir semua umat Islam.

Dalam konteks perkembangan pemikiran Islam di Malaysia, kelihatan aliran Kaum Tua yang berdasarkan pemikiran al-Asya'irah atau al-Asy'ariyyah yang merupakan mazhab akidah kepada umat Melayu-Muslim di Malaysia mendapat tentangan yang hebat daripada aliran rasionalis, di antaranya aliran pemikiran al-Qadariyyah yang dianggap oleh kebanyakan pengkaji dan pemikir Islam sebagai penentang dan lawan kepada aliran yang sedia wujud di Alam Melayu. Sebagai contoh, Prof. Harun Nasution mengatakan: "Umat Islam Indonesia kelihatannya banyak dipengaruhi oleh faham Jabariyyah yang terdapat dalam teologi al-Asy'ariyyah yang pada umumnya memang dianut oleh para pengikut mazhab al-Syafi'i, yang banyak terdapat di Indonesia. Faham al-Qadariyyah yang terkandung dalam aliran teologi al-Mu'tazilah dan al-Maturidiyyah kurang dikenali di Indonesia."⁷⁷

Suatu kenyataan yang diterima dan mulai diakui pada masa kini, aliran neo-Mu'tazilah (neo-Qadariyyah) telah muncul kembali di Alam Melayu, dan didokong oleh sebahagian kecil golongan rasionalis, walaupun di Malaysia, keadaan ini tidaklah begitu menonjol dan belum begitu dirasai. Ia mungkin sudah mula dirasai secara berperingkat-peringkat berdasarkan keadaan dan tuntutan zamannya. Bagi pendokong aliran ini, mereka berpendapat bahawa al-Maturidi⁷⁸ dan bahkan Muhammad 'Abduh menganuti faham al-

⁷⁵ Lihat: Wan Zailan Kamaruddin Ali, "Asal-Usul, Pengaruh dan Kesan Aliran al-Asy'ari dan al-Asya'irah di Malaysia dan Kepulauan Melayu," dlm. *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, Bil.22, 1994, h.84-106.

⁷⁶ Zakaria@Mahmood bin Daud, "Muhammad ibn 'Abd al-Wahhab dan Pengaruhnya Terhadap Ajaran Ahli Sunnah wal-Jama'ah di Perlis," (Tesis Ph.D yang tidak diterbitkan), Univ. Malaya, 1997, h.399.

⁷⁷ Harun Nasution, Prof., *Islam Rasional*, h.162.

⁷⁸ *Ibid*, h.374.

Qadariyyah.⁷⁹ ‘Abduh dikatakan seorang pemikir bebas yang tidak mahu terikat kepada pemikiran mana-mana tokoh, aliran dan madhhab. Beliau hanya terikat kepada al-Qur’an dan hadith mutawatir. Pada ketika beliau ditanya oleh pensyarahnya di al-Azhar, alasan dan sebab beliau meninggalkan Asy‘ariyyah, beliau dikatakan berkata: “ Aku ingin bebas daripada faham Asy‘ariyyah, mengapa pula aku mesti terikat kepada faham Mu‘tazilah.”⁸⁰

Selanjutnya, Prof. Harun Nasution turut memberikan komentar dan mengemukakan alasan yang menyebabkan golongan intelektual muda Islam di Indonesia lebih cenderung dan tertarik untuk membaca buku-buku yang ditulis oleh golongan rasionalis berbanding dengan golongan konservatif (al-Asy‘ariyyah), dengan kata-katanya: “ Tulisan-tulisan para pengarang al-Asy‘ariyyah pada umumnya bercorak tradisional deskriptif dan jarang bercorak analisis rasional, apalagi filosofis.”⁸¹

Kesan daripada kenyataan tersebut, sekiranya dilihat secara lebih mendalam akan memungkinkan polemik dalam bidang pemikiran tidak dapat dihalang kerana ia berkaitan dengan aspek pemikiran manusia yang sentiasa berkembang dan sentiasa ingin mencapai kepuasan mental dan spiritual khususnya apabila berhadapan dengan pelbagai isu yang menghendaki keputusan yang rasional dilakukan. Inilah realiti yang dapat dilihat di kalangan umat Islam di Alam Melayu masakini dan di Malaysia secara khususnya.

⁷⁹ *Ibid*, h.155.

⁸⁰ *Ibid*, h.156.

⁸¹ *Ibid*, h.376.

Bibliografi:

1. 'Abd al-Mun'im al-Hifni, *Mawsu'ah Mawsu'ah al-Firaq wa al-Jama'at wa al-Madhahib al-Islamiyyah*, Dar al-Rasyad, al-Qahirah, Cet.I, 1413/1993.
2. Ahmad Amin (m.1374/1954), *Duha al-Islam*, al-Qahirah, 1374/1955.
3. _____, *Zuhr al-Islam*, al-Qahirah, 1955.
4. Abdul Rahman Hj. Abdullah, *Pemikiran Umat Islam di Nusantara*, DBP, Kuala Lumpur, 1990.
5. Ahmad Hidayat Buang, "Kebebasan Memberi Pandangan Dalam Isu-isu Agama Islam: Kajian Terhadap Fatwa-fatwa Jabatan Mufti Negeri-negeri di Malaysia," kertas kerja di Seminar Pemikiran Islam Peringkat Kebangsaan (1), 11/1/2003 di Akademi Pengajian Islam.
6. Al-Asy'ari, Abu al-Hasan, *Maqalat al-Islamiyyin wa Ikhtilaf al-Musallin*, Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah, al-Qahirah, Cet. II, 1389/1969.
7. Al-Asy'ari al-Qummi, Sa'd ibn 'Abd Allah (m.913/1507), *Kitab al-Maqalat wa al-Firaq*, Matba'ah Haydary, Tehran, 1383/1963.
8. Al-Baghdadi, *al-Farq bain al-Firaq*, Mu'assasah al-Halabi, al-Qahirah, t.t.
9. Al-Bazdawi, Abu al-Yusr Muhammad bin Muhammad bin 'Abd al-Karim (m.493/1100), *Kitab Usul al-Din*, Tahqiq: Hans Peter Linss (Dr.), 'Isa al-Bab al-Halabi, al-Qahirah, 1383/1963.
10. Brian E.Coless, "Persian Merchants and Missionaries in Medieval Malaya," dlm. *JMBRAS*, XLII (42), 1969.
11. *Encyclopedia of Islam* (1), Leiden, 1927.
12. Al-Ghurabi, *Tarikh al-Firaq al-Islamiyyah wa Nasy'ah 'Ilm al-Kalam 'Ind al-Muslimin*, Misr, t.t.
13. Groneveldt, W.P., *Historical notes on Indonesia and Malaya compiled from Chinese Sources*.
14. Husayn 'Utwan, *al-Firaq al-Islamiyyah*, Dar al-Jayl, 1986.
15. Hasan Mahmud al-Syafi'i (Dr.), *al-Madkhal Ila Dirasah 'Ilm al-Kalam*, Matba'ah al-Fanniyyah, al-Qahirah, Cet. II, 1411/1991.
16. Al-Hasan al-Basri, "Risalah fi al-Qadr" dlm. *Rasa'il al-'Adl wa al-Tawhid*, (ed. Muhammad 'Imarah), Dar al-Hilal, t.t.
17. Harun Nasution, Prof., *Islam Rasional*,
18. Husayn Nasir bin Muhammad Tayyib, *Usul al-Tawhid*, Taiping, Perak, 1953.
19. Ibn al-Murtada, Ahmad bin Yahya al-Murtada, *al-Munyah wa al-Amal*, Tahqiq: 'Isam al-Din Muhammad 'Ali (Dr.), Dar al-Ma'rifah al-Jami'ah, al-Iskandariah, 1406/1985.
20. _____, *Kitab Tabaqat al-Mu'tazilah*, Tahqiq: Susanna Diwald-Wilzer, Dar al-Muntazar, Beirut, Cet.II, 1409/1988.
21. Ibn Qutaybah, *al-Ma'arif*, al-Qahirah, 1300/1882.
22. 'Irfan 'Abd al-Hamid Fattah, Dr., *Dirasat fi al-Firaq wa al-'Aqa'id al-Islamiyyah*, Matba'ah al-Irsyad, Baghdad, Cet.II, 1387/1967.
23. Ibn al-Athir, *al-'Iqd al-Farid*, Beirut, 1385/1965.
24. Ibrahim Abu Bakar, *Islamic Modernism in Malaya as Reflected in Hadi's Thought*, (Tesis Ph.D belum diterbitkan), Universiti McGill, 1992.
25. Al-Jurjani, Al-Syarif 'Ali bin Muhammad, *Kitab al-Ta'rifat*, al-Haramayn li-al-Taba'ah wa al-Nasyr wa al-Tauzi', Sinqapurah-Jeddah, t.t.
26. *Jawharat al-Tawhid*, (terj. Ibrahim al-Laqani), t.t.
27. Al-Karajaki, *Kanz al-Karajaki*, Dar al-Adwa', Beirut, 1405/1985.

28. Al-Maqrizi, Ahmad bin ‘Ali bin ‘Abd al-Qadir bin Muhammad bin Ibrahim bin Muhammad bin Tamim al-Maqrizi al-Syafi‘i (m.845/1461), *Khitat @ al-Mawa‘iz wa al-I‘tibar*, Leiden, 1306/1888.
29. Al-Muhammadi al-Riyy Syahri, *Mizan al-Hikmah*, Maktab al-A‘lam al-Islami, Qum, 1362-1405/1942-1984.
30. Al-Maturidi, Abu Mansur Muhammad bin Muhammad bin Mahmud (m.333/944), *Kitab al-Tawhid*, Tahqiq: Fathallah Khaleif (Dr.), Dar al-Masyriq, Beirut, 1390/1970.
31. Al-Majlisi, Muhammad Baqir (m.1111/1691), *Bihar al-Anwar al-Jami‘ah li Durar Akhbar al-A‘immah al-Athar*, Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, Mu’assasah al-Tarikh al-‘Arabi, Beirut, 1412/ 1992.
32. Mills, J.V. “ Arab and Chinese Navigators in Malaysian Waters in about 1500 A.D,” dlm. *JMBRAS*, XLVII (47), 1974.
33. Al-Mawdudi, *Khilafah wa al-Muluk*, Dar al-Qalam, al-Kuwayt, Cet.I, 1398/1978.
34. Mohd Nor Ngah, *Kitab Jawi: Islamic Thought of The Malay Muslim Scholars*, ISEAS, 1983.
35. Muhibb al-Din bin ‘Abd Syakur, (m.1127/1707), *Fawatih al-Rahamut al-Syarh Musallam al-Thubut fi Usul al-Fiqh*, Cet. Baru, Maktabah al-Muthanna, Baghdad, 1970.
36. Al-Sam‘ani, *al-Ansab al-Asyraf*, Leiden & London, 1912.
37. Al-Syarif al-Radi, Abu al-Hasan Muhammad al-Radi bin al-Hasan al-Musawi (406/1015), *Nahj al-Balaghah*, Tahqiq: Subhi Salih (Dr.), Beirut, Cet.I, 1387/1967.
38. Al-Syahrastani, Abu al-Fath Muhammad ibn ‘Abd al-Karim bin Abi Bakr Ahmad (m.548/1153), *al-Milal wa al-Nihal*, Tahqiq: ‘Abd al-‘Aziz Muhammad al-Waki’, Mu’assasah al-Halabi, (3 vol.), al-Qahirah, 1380/1961.
39. Al-Syawkani, Muhammad bin ‘Ali bin Muhammad (m.1250/1834), *Irsyad al-Fuhul ila Tahqiq al-Haq min ‘Ilm al-Usul*, Cet.I, Mustafa al-Babi al-Halabi, Misr, 1356/1937.
40. Shellabear, W.G., *Sejarah Melayu*, Fajar Bakti, Petaling Jaya, 1978.
41. *Tuhfat al-Raghibin*, Singapura, t.t.
42. Wael b. Hallaq, “ On the Origins of the Controversy about the Existence of Mujtahids and the Gate of Ijtihad,” dlm. *SI*, 1986, LXIII.
43. Wan Zailan Kamaruddin Ali, “ Asal-Usul, Pengaruh dan Kesan Aliran al-Asy‘ari dan al-Asya‘irah di Malaysia dan Kepulauan Melayu,” dlm. *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, Bil.22, 1994.
44. _____, “ Aliran al-Mujbirah dan kesan pemikirannya di Malaysia,” dlm. *Jurnal Usuluddin*, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Bil.12, Syawal 1421/Disember 2001.
45. _____, “ Pemikiran Za‘ba Mengenai Islam,” dalam *100 Tahun Za‘ba: Za‘ba Pejuang Bangsa*, (ed. Wan Abdul Kadir), Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1996.
46. Abu ‘Abd-Allah Muhammad bin ‘Umar bin Waqid (m.207/823), *al-Bad’ wa al-Tarikh*, Beirut, 1966.
47. Watt, William Montgomery, *Freewill And Predestination in Early Islam*, London-Luzac, 1367/1948.
48. Zakaria@Mahmood bin Daud, “ Muhammad ibn ‘Abd al-Wahhab dan Pengaruhnya Terhadap Ajaran Ahli Sunnah wal-Jama‘ah di Perlis,” (Tesis Ph.D yang tidak diterbitkan), Univ. Malaya, 1997.
49. Zuhdi Hasan Jar Allah, *al-Mu‘tazilah*, al-Qahirah, 1366/1947.